



SESI bergambar bersama di antara dekan dan semua pelajar, ahli keluarga pelajar, kakitangan akademik serta pentadbiran FPEP.

HE05 juara Liga Piala Dekan dan Timbalan Dekan 2019

UB 25 April 2019 B2

KOTA KINABALU: Kelab Ekonomi Perancangan dan Pembangunan (HE05) muncul juara pertandingan Liga Piala Dekan (Bola Sepak) dan Timbalan Dekan (Futsal) anjuran Persatuan Mahasiswa Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan 2019.

Program itu berlangsung selama sebulan dan kemuncak penutupannya diadakan di Padang Bola Sepak, Kompleks Sukan UMS.

Menurut Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS Prof Madya

Dr Raman Noordin, program seumpama itu merupakan satu program yang baik di samping ia mampu memberi nilai tambah kepada semua pihak yang terlibat khususnya mahasiswa/i, ia juga dapat merapatkan hubungan sesama pelajar dan kakitangan fakulti.

“Keunikan pertandingan bagi kali ini, ia menarik ahli keluarga pelajar yang terlibat dan ada yang datang dari Johor bagi memeriahkan dan menyokong anak mereka yang bertanding,” katanya.

Menurut Pengarah Program Alif Syahmi Muhammad Syukri, ia adalah program tahunan anjuran PMPEP dan sentiasa mendapat sambutan yang baik dari kalangan pelajar terutamanya 10 kelab di FPEP.

Sementara itu, tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi oleh Kelab Perakaunan (HE02) dan Kelab Ekonomi Sumber Manusia (HE11) manakala Liga Piala Timbalan Dekan (Futsal) tempat kedua

dan ketiga masing-masing dimenangi oleh Kelab Keusahawanan (HE04) dan Kelab Pengurusan Perhotelan (HE08).

Program itu turut dihadiri oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Pascasiswazah Dr Arif @ Kaman Pusiran, Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa Dr Junainah Jaidi, barisan ketua program, pensyarah dan kakitangan pentadbiran Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan.